






SIARAN AKHBAR

PENERBITAN PERTAMA INDEKS HARGA HARTANAH KEDIAMAN ATAU RESIDENTIAL PROPERTY PRICE INDEX (RPPI) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) pada hari ini telah menerbitkan Indeks Harga Hartanah Kediaman atau *Residential Property Price Index* (RPPI) yang pertama bagi Negara Brunei Darussalam. Tahun asas bagi indeks ini adalah tahun 2015 dan indeks ini akan diterbitkan setiap suku tahun. Penerbitan indeks ini adalah hasil daripada kerjasama rapat AMBD dengan pihak Kementerian Pembangunan, khususnya Autoriti Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCI).
2. Indeks ini dihasilkan untuk meninjau perubahan kepada harga purata hartanah kediaman di keempat-empat daerah di Negara Brunei Darussalam. Indeks ini dapat digunakan untuk mengukur tahap mampu milik (*affordability*) hartanah kediaman, dan seterusnya memberikan gambaran mengenai keadaan pasaran hartanah di negara ini. Selain itu, Indeks ini juga boleh digunakan sebagai petunjuk makro bagi mengukur pertumbuhan ekonomi dan petunjuk kestabilan kewangan bagi mengukur tahap pendedahan risiko.
3. Pada suku pertama tahun 2018, RPPI adalah 87.3 iaitu penurunan sebanyak 2.7% tahun-ke-tahun berbanding suku pertama tahun 2017, dan penurunan sebanyak 7.7% berbanding suku keempat tahun 2017.

Tempoh	Indeks (Q1 2015 = 100)	Perubahan (%)	
		Dari Q1 2017	Dari Q4 2017
Q1 2018	87.3	-2.7	-7.7





4. Berdasarkan data pembelian hartanah kediaman melalui pinjaman bank yang diperolehi daripada bank-bank, sebanyak 92 transaksi pembelian hartanah kediaman telah dicatatkan pada suku pertama tahun 2018. Kebanyakan daripada transaksi tersebut adalah bagi pembelian rumah *detached* (51%), diikuti oleh rumah teres (22%), rumah berkembar atau *semi-detached* (16%), pangsapuri (7%), dan tanah (4%).
5. Harga median bagi pembelian kesemua jenis hartanah kediaman pada tempoh suku pertama tahun 2018 adalah BND250,000. Harga median bagi pembelian rumah *detached* adalah BND299,000, bagi rumah berkembar atau *semi-detached* adalah BND260,000, bagi rumah teres adalah BND185,000, bagi pangsapuri adalah BND205,000, dan bagi pembelian tanah adalah BND82,000. Secara keseluruhan, harga median bagi pembelian hartanah kediaman pada tempoh suku pertama tahun 2018 telah menurun sebanyak 11% tahun-ke-tahun berbanding suku pertama tahun 2017 dan menurun sebanyak 6% suku tahun ke suku tahun berbanding suku keempat tahun 2017.
6. AMBD ingin memaklumkan bahawa indeks dan statistik yang diterbitkan adalah untuk maklumat umum sahaja. Orang ramai adalah dinasihatkan agar tidak hanya bergantung kepada indeks dan statistik ini untuk menilai sesuatu hartanah kerana harga hartanah kediaman berbeza bagi setiap lokasi, saiz tanah, keluasan lantai dan sebagainya.
7. Bagi maklumat lanjut, nota teknikal dan data terkini boleh didapati di laman web AMBD (www.ambd.gov.bn). Maklumat terkini mengenai RPPI juga akan dikeluarkan dari masa ke semasa melalui akaun Instagram AMBD @autoriti_monetari.

Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Rujukan: AMBD/COMMS/3

Tarikh: 22 Syawal 1439H/ 6 Julai 2018M